

08 MAR 2000

Mahkamah-Anwar (Rayuan)

HAKIM BETUL DALAM MENSABITKAN ANWAR, KATA PENDAKWA

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S. Augustine Paul tidak menyalahkannya mengenai undang-undang dan keterangan semasa beliau mensabitkan dan menjatuhkan hukuman terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim atas empat pertuduhan rasuah, Mahkamah Rayuan diberitahu hari ini.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Azahar Mohamed berkata hakim telah menimbangkan kesemua fakta yang relevan dan mengguna pakai prinsip undang-undang yang betul dalam menilai keterangan yang diberikan oleh para saksi sebelum beliau membuat keputusan.

Katanya Hakim Paul adalah betul semasa menetapkan bahawa bekas timbalan perdana menteri itu telah menggunakan surat penarikan balik pengakuan daripada Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar untuk menyelamatkan dirinya daripada mendapat malu.

Pada 14 April tahun lepas, Paul telah menjatuhkan hukuman ke atas Anwar, masing-masing penjara enam tahun terhadap empat pertuduhan, dengan memerintahkan hukuman itu berjalan serentak mulai hari itu, selepas mendapati beliau bersalah campur tangan dalam penyiasatan polis mengenai dakwaan salah laku seksual terhadapnya oleh Ummi Hafilda dan Azizan.

Anwar merayu terhadap sabitan dan hukumannya itu yang sedang didengar oleh Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Lamin Yunus dan hakim-hakim Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Datuk Mokhtar Sidin.

Azahar memberitahu mahkamah bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan bahawa Anwar telah melakukan tindakan yang bercanggah dengan undang-undang dengan mengarahkan dua pegawai kanan Cawangan Khas (Datuk Mohamad Said Awang and Datuk Amir Junus) untuk mengesan dan "gempar" (menakutkan) Ummi Hafilda dan Azizan.

Katanya pihak pendakwaan juga telah membuktikan bahawa Anwar mengarahkan kedua-dua pegawai itu untuk mendapatkan surat penarikan balik pengakuan daripada Ummi Hafilda dan Azizan.

"Fakta-fakta yang dikemukakan jelas menunjukkan bahawa tertuduh (Anwar) ada "mens rea" atau fikiran salah dan bahawa beliau tahu yang arahan yang beliau berikan kepada para pegawai Cawangan Khas adalah bercanggah dengan undang-undang semasa beliau menyalahgunakan Cawangan Khas untuk kepentingan dirinya," katanya.

Menjawab hujahan oleh peguam Anwar, Christopher Fernando bahawa Anwar tidak akan membuat laporan polis atau memfailkan saman fitnah jika beliau mahu menyelamatkan dirinya daripada mendapat malu, Azahar berkata bahawa menurut Mohamed Said, Anwar pada awalnya keberatan untuk membuat laporan itu.

Beliau berkata Mohamed Said, saksi utama pendakwaan, telah memberikan keterangan bahawa Anwar tidak mahu kes itu dibawa ke mahkamah kerana beliau tidak mahu sebarang publisiti diberikan kepada perkara itu.

Azahar berkata saman fitnah itu hanya difailkan pada Jun 1998, lama selepas kejadian pada Ogos 1997.

Katanya keputusan polis untuk tidak meneruskan penyiasatan dakwaan salah laku seksual terhadap Anwar pada 1997 dan pembebasan daripada tuduhan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah berdasarkan surat penarikan balik pengakuan, yang telah membantu mengimbangkan publisiti yang diberikan terhadap dakwaan itu.

Ini, katanya, telah memberi manfaat kepada Anwar dan memastikan kedudukan beliau dalam kerajaan tidak terjejas teruk oleh publisiti buruk

berhubung dakwaan itu.

"Jika penyiasatan itu dimaklumkan kepada umum, ia akan mencetuskan kemarahan umum dan akan menyebabkan malu besar kepada tertuduh yang pada masa itu adalah timbalan perdana menteri dan menteri kewangan dan juga pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pentadbiran Baik," katanya.

Azahar berkata tindakan Anwar untuk campur tangan dan menyalahgunakan kuasa mengesahkan niat dan tujuan beliau untuk mengelakkan publisiti meluas dan malu.

Semasa menjawab kepada serangan teruk terhadap kredibiliti Mohamed Said oleh peguam utama Anwar, Raja Aziz Addruse, Azahar berkata bahawa daripada jawapan yang diberikan oleh bekas Pengarah Cawangan Khas itu, beliau merupakan seorang saksi yang jujur dan bercakap benar.

Sambil menggesa mahkamah mengekalkan sabitan dan hukuman itu, Azahar berkata hakim perbicaraan telah menimbang dan menganalisis keterangan Mohamed Said dengan berhati-hati dan mendapati bahawa beliau seorang saksi yang berkredibiliti.

Dalam petisyen rayuannya, Anwar menyenaraikan 29 alasan termasuk hukuman yang dikenakan ke atasnya adalah jelas berat dan keengganan hakim perbicaraan untuk mengambil kira tempoh semasa beliau direman dan ditahan dalam penjara adalah tidak munasabah.

Perbicaraan disambung esok.

-- BERNAMA

NHD SBB RHM NAK